

Ahmad Wardi bebas berlatih - 6 OCT 1987 sendirian

a. Harian (M)

PESILAT Terbaik Kebangsaan 1986, Ahmad Wardi Salam membuat persediaan untuk menghadapi cabaran dalam Kejohanan Silat Sedunia di Kuala Lumpur dari 2-9 Disember ini selepas sembuh daripada kecederaan di pergelangan kaki, lapor **MOHD RAHIME YUSOF**.

Dia kini berlatih sendiri di gelanggang persilatan Bangkawali, Melaka sebelum mengikuti latihan pusat pada 1 November ini.

Ahmad Wardi yang hanya mampu merangkul pingat gangsa di Sukan SEA Jakarta bulan lalu, masih hampa kerana gagal memenuhi hasrat Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) untuk pingat emas.

"Terlalu sukar untuk melupakan kenangan pahit di Jakarta tetapi saya puas dengan pingat gangsa kerana bertanding dalam keadaan cedera," jelasnya.

Kakitangan Majlis Perbandaran Melaka Tengah (MPMT) itu menghadapi kecederaan di pergelangan kaki ketika membantu pasukan bolasepak majikannya sebelum berlepas ke Jakarta.

Beliau yang tewas kepada Joko Widodo — Indonesia — dalam separuh akhir percaya kalau tidak kerana keceder-

KEJUARAAN SILAT SEDUNIA



4TH
WORLD SILAT
CHAMPIONSHIP

1987

KUALA LUMPUR

2 — 9 Disember 1987

Di Stadium Negara

Anjuran Bersama

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN DAN PELANCONGAN MALAYSIA



**Berita
Harian**



aan itu harapan mengutip pingat emas boleh dipenuhi.

Ahmad Wardi akan menebus kegagalan di Jakarta itu dalam Kejohanan di Kuala Lumpur yang lebih besar. "Saya tunggu Joko nanti," tambahnya.

Dia pernah memenangi pingat gangsa dalam Kejuaraan Silat Dunia di Jakarta 1983 berharap dapat memperbaiki kedudukan lebih baik.

Ahmad Wardi bertambah yakin menjalani latihan selepas bebas daripada kecederaan. Dia sudah berupaya untuk membuat tendangan dan mengatur langkah yang lebih pantas tanpa keraguan.

"Pengalaman di Jakarta itu akan dijadikan faktor untuk memperbaiki kelemahan dan mengemaskan lagi corak serangan demi untuk mencari kemenangan di Kuala Lumpur nanti," tegas Ahmad Wardi penuh semangat.